

# Cubaan sabotaj ekonomi Bumipui

BH 21 APR 2000

Oleh Zulkofli Jamaludin dan Saidon Idris

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan, orang asing yang kecewa kerana tidak dapat mengambil alih syarikat dan bank Malaysia ketika kegawatan ekonomi, akan berusaha menggagalkan pemulihan ekonomi Bumiputera.

Perdana Menteri berkata, kecenderungan orang asing melabelkan sebarang pemulihan sebagai tindakan penyelamat, jelas menunjukkan mereka ingin melihat semua syarikat Bumiputera, kecil dan besar, berkubur.

Malah, orang asing juga ingin menggagalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) kerana mereka melihatnya sebagai penghalang kepada peluang mereka untuk menguasai ekonomi negara ini.

Dr Mahathir berkata, walaupun mereka akan menyangkal dakwaan itu, semua bukti menunjukkan di mana-mana mereka berjaya mencetuskan kegawatan dan melemahkan negara, mereka dapat membeli bank dan perusahaan pada harga murah kerana Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) memaksa pembukaan ekonomi 100 peratus sebagai syarat memberi pinjaman kepada negara bermasalah.

“Sementara mereka mengecam apa yang ditakrif sebagai ‘bail-out’ oleh kerajaan di negara kita, tanpa segan silu mereka mengadakan ‘bail-out’ untuk syarikat mereka,” katanya ketika melancarkan Minggu Saham Amanah Malaysia dan skim Amanah Saham Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

ASM adalah dana terbaru dilancarkan oleh Permodalan Nasional Bhd (PNB) untuk semua rakyat Malaysia berumur enam bulan ke atas. Saham amanah berharga tetap itu ditawarkan pada harga RM 1 seunit.

Seseorang pelabur boleh melabur sehingga maksimum 50,000 unit dengan pelabu-

ran permulaan 100 unit. Pelaburan tambahan boleh dibuat dengan pelaburan minimum sebanyak seunit.

ASM adalah saham amanah kedua PNB yang dibuka kepada semua kaum, selepas Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW) yang mempunyai dana sebanyak dua bilion unit.

Turut hadir di majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi PNR, Tan Sri Ahmad Sarji Abdui Hsmid.

Dr Mahathir berkata, majoriti rakyat Malaysia tidak menyedari kegawatan dan bahaya besar yang baru dilalui kerana kerajaan berjaya menangkis serangan terhadap ekonomi dan politik sehingga kesannya tidak begitu dirasakan.

Bagaimanapun, katanya, serangan globalisasi atau dunia tanpa sempadan terhadap Malaysia dan negara yang dikenali sebagai Harimau Asia, akan diteruskan.

“Jika rakyat tidak memahami cara serangan ini dan tidak menyusun barisan pertahanan, besar kemungkinan negara akan tertewas dan dikuasai penjajah jenis moden ini.

“Orang asing sedang mengumpulkan bala tentera mereka melalui penyatuan syarikat gergasi mereka yang menjadi begitu besar sehingga boleh meranapkan syarikat dan bank tempatan apabila mereka dapat menembusi sempadan negara dalam proses globalisasi,” katanya.

Pada masa yang sama, dagangan moden melalui syarikat dotcom akan menjadikan kebanyakan syarikat tempatan tidak berperanan dengan cara syarikat dotcom menjual terus kepada pembeli di negara ini.

“Kerajaan bukan saja akan kehilangan cukai import tetapi juga cukai korporat ke-

## Peniaga Melayu perlu lebih cekap

31 HARI MUKA 21 APR 2000

rana syarikat tempatan tidak bemiaga lagi. Peluang pekerjaan akan hilang.

“Walaupun harga barangan import mungkin murah, penganggur tidak akan mempunyai wang untuk membelinya,” katanya sambil mengajak rakyat supaya bersamasama mengukuhkan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, DEB mesti dilaksanakan dengan bijak supaya tidak ada sesiapa yang berasa mereka tidak mendapat bahagian. Pada masa yang sama, kecekapan Bumiputera dalam bidang pemiagaan dan pengurusan perlu ditingkatkan.

“Sebenarnya kejayaan dalam bidang perniagaan bergantung kepada disiplin dan kesanggupan mengamalkan cara pengurusan yang dikenali sebagai pengamalan cara-cara terbaik,” katanya.

Beliau berharap satu hari nanti Bumiputera tidak perlu bergantung kepada saham amanah untuk pengagihan ekonomi. Matlamat itu boleh dilihat dalam jangka masa singkat dengan usaha gigih dan keyakinan akan kebolehan sendiri.

“Sebenarnya amatlah malukan apabila kita perlu diberi perlindungan di negara kita sendiri. Orang ramai harus mengambil kesempatan daripada minggu amanah saham ini untuk meningkatkan pengetahuan mengenai saham serta selok-belok perniagaan dan pengurusan,” katanya.

LIHAT MUKA 2,  
RUANG 8